

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 4 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 20**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1542-L14155  
**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah program jualan Rahmah di seluruh negara dan berapakah jumlah pasar raya besar, kedai runcit dan pasar awam yang terlibat dengan program jualan Rahmah.
2. PN-1542-L14627  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah projek ekonomi komuniti yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli.
3. PN-1542-L14257  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan awam yang diambil bekerja pada tahun 2024 serta tahun 2025 yang memilih Skim KWSP dan Skim Pencen.
4. PN-1542-L14047  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada dapatan kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang menyimpulkan tiada pelanggaran undang-undang persaingan telah mengambil kira kemungkinan wujudnya penguasaan pasaran oleh segelintir syarikat besar dalam industri beras yang berpotensi membentuk struktur seperti kartel, serta apakah tindakan susulan yang dirancang.

5. PN-1542-L14587  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin kualiti sayur-sayuran yang diimport dan bilangan kes yang dikompaun dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Makanan 1983.
6. PN-1542-L14670  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk menjadikan Akademi Bahasa MADANI di Sekolah Berasrama Penuh sebagai jendela pemindahan ilmu, nilai dan budaya luhur daripada tamadun lain bagi peningkatan dan kemajuan tamadun negara ini, bukan sekadar sebagai pelajaran bahasa asing semata-mata.
7. PN-1542-L14465  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah bersedia untuk menghadapi kemungkinan keputusan Amerika Syarikat yang mungkin tidak menguntungkan Malaysia berkenaan pengecualian tarif dan apakah strategi yang ada untuk melindungi sektor semikonduktor dan farmaseutikal.
8. PN-1542-L14012  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan sempadan Kelantan-Thailand, khususnya di sepanjang Sungai Golok yang mempunyai banyak laluan haram, sedangkan pintu masuk rasmi di Kelantan melalui ICQS Rantau Panjang, Bukit Bunga dan Pengkalan Kubor masih tidak dilengkapi mesin pengimbas kargo dan kenderaan.
9. PN-1542-L14462  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kadar premium takaful agar tidak membebankan rakyat, khususnya keluarga berpendapatan rendah dan mereka yang bekerja sendiri.
10. PN-1542-L14436  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif yang digariskan dalam RMK13 untuk memperkasakan wanita dalam bidang ekonomi dan kepimpinan.

11. PN-1542-L14363

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan penguatkuasaan yang diambil untuk membanteras masalah perjudian dalam talian yang kini semakin berleluasa sehingga menular ke premis-premis kedai di pekan-pekan kecil di Sarawak memandangkan aktiviti perjudian dalam talian ini merupakan satu masalah sosial yang serius kerana ia boleh menyebabkan individu mengalami masalah kewangan, keruntuhan institusi keluarga, kemerosotan moral, serta terlibat dalam kegiatan jenayah.

12. PN-1542-L14647

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan nyatakan inisiatif yang diambil Kementerian dalam memastikan pengendali telekomunikasi lebih bertanggungjawab melalui pelaksanaan perlesenan untuk platform media sosial yang mempunyai lebih 8 juta pengguna di Malaysia.

13. PN-1542-L14227

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah meningkatkan penguatkuasaan statutori dan pemeriksaan berkala bagi rangkaian talian paip gas milik Petronas Gas Berhad dan Gas Malaysia Berhad agar permit kerja-kerja pembinaan atau kerja kejuruteraan di kawasan persekitaran laluan paip gas diseliah dan dikawal dengan sebaiknya.

14. PN-1542-L14002

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mewajibkan lagu Negaraku dinyanyikan dan Rukun Negara dilafazkan dalam setiap program rasmi bukan sahaja oleh agensi Kerajaan, tetapi juga pihak swasta, sebagaimana sesetengah negara mengamalkannya dalam konteks negara mereka bagi menyemai kecintaan dan hormat kepada negara.

15. PN-1542-L14617

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan jajaran lebuh raya untuk setiap 50km mendapat akses kepada liputan internet selaras dengan dasar 'Di Mana Ada Jalan, Di Situ Ada Internet' yang telah diumumkan.

16. PN-1542-L14309

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian bersedia menangani lonjakan kes autisme/ADHD susulan saringan wajib pra-sekolah yang diumumkan pada Jun 2025 dan apakah jurang daripada segi pakar perubatan, profesional sains kesihatan bersekutu dan lain-lain petugas kesihatan untuk memastikan kita dapat menampung peningkatan kes.

17. PN-1542-L13925

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi komprehensif Kerajaan untuk menangani punca kemerosotan pendapatan pesawah padi dan kurang minat belia untuk menceburi bidang tanaman padi dan bagaimanakah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2025 dapat menambah baik nisbah sara diri untuk makanan ruji.

18. PN-1542-L14270

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk meningkatkan peluang pekerjaan yang sesuai dan mampan untuk Orang Asli, khususnya dalam sektor-sektor yang berkaitan dengan pengetahuan dan sumber tradisional mereka.

19. PN-1542-L14417

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kos yang dibelanjakan bagi pelaksanaan PADU sehingga kini dan berapakah jumlah pengguna yang telah berdaftar di bawah sistem tersebut.

20. PN-1542-L14509

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :-

- (a) keberkesanan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2021-2025 dan bagaimana Pelan Tindakan Teknologi AI 2026-2030 yang akan datang berbeza daripada pelan terdahulu dari segi keutamaan strategik dan impak nasional yang dijangka; dan
- (b) jangkaan garis masa pelancaran pelan tersebut pada tahun ini.

21. PN-1542-L14471

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluas kategori 'kontrak terpelihara' di bawah Akta Perolehan Kerajaan 2006 dengan menetapkan peratusan tertentu secara mandatori kepada perusahaan sosial tempatan yang berdaftar dengan Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK), dan sekiranya ya, berapakah peratusan yang ditetapkan serta bagaimana mekanisme pelaksanaannya.

22. PN-1542-L14143

**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membantu golongan B40 dari segi kos menunaikan haji memandangkan kenaikan kos haji yang tinggi dan juga dari segi rayuan untuk mengerjakan haji berikutan pengumuman kuota dan syarat-syarat ketat dari Kerajaan Arab Saudi.

23. PN-1542-L14060

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap isu blok ND6/ND7 di Laut Sulawesi dalam konteks undang-undang antarabangsa dan rundingan bersama Indonesia.

24. PN-1542-L13992

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini kes berkaitan isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPTA dan IPTS serta usaha yang dilakukan bagi menangani tekanan emosi, kemurungan dan kecelaruan mental dalam kalangan mereka seperti intervensi awal, kaunseling dan kempen kesedaran.

25. PN-1542-L14291

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pelan menyeluruh Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi menjamin infrastruktur air yang mampan serta adil untuk rakyat Sabah memandangkan isu bekalan air bersih Sabah melibatkan paip lama, loji rawatan baharu dan kadar NRW tinggi melebihi 50 peratus.

26. PN-1542-L13915  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk meningkatkan umur persaraan hakim di mahkamah bagi membolehkan peralihan yang lebih stabil dan perancangan penggantian yang lebih teratur dalam proses kehakiman.
27. PN-1542-L14499  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada MIDA melihat sebarang petunjuk kelembapan dalam permohonan pelaburan projek perkilangan akibat ketidaktentuan global dan kesan dasar tarif.
28. PN-1542-L14247  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) adakah semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melantik golongan OKU sebagai kakitangan dalam PBT serta berapakah jumlah PBT yang telah melantik dan belum melantik golongan OKU sebagai Ahli Majlis; dan
  - (b) apakah komitmen Kementerian dalam memastikan sekurang-kurangnya ada seorang wakil OKU sebagai Ahli Majlis setiap PBT.
29. PN-1542-L14402  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah status dan kadar penggunaan teknologi awan dalam Kerajaan Persekutuan dan sejauh manakah perancangan pihak Kementerian dalam meningkatkan keterjaminan keselamatan data-data yang disimpan oleh pihak Kerajaan daripada dibolosi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
30. PN-1542-L14480  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan sedang merangka satu dasar nasional yang komprehensif bagi industri Unsur Bumi Nadir (Rare Earth Elements) merangkumi aspek kawalan eksport, pemprosesan hiliran dalam negara, serta penglibatan inklusif tenaga kerja mahir tempatan bagi memastikan Malaysia tidak terus bergantung sebagai pengeluar bahan mentah semata-mata tanpa penguasaan teknologi.

31. PN-1542-L13940

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi atau insentif Kementerian untuk memudahkan para pengundi pulang ke Sabah dan memantau harga pengangkutan terutamanya pengangkutan udara agar tidak meningkat semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah nanti.

32. PN-1542-L14218

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan semasa keseluruhan perancangan dan projek kerja dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang dilaksanakan di Negeri Perak; dan
- (b) perancangan Kementerian bagi meningkatkan kemajuan desa khususnya di Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia Ke-13 yang diluluskan dalam aspek infrastruktur desa, bekalan air dan elektrik, pendigitalan desa dan ekonomi komuniti desa.

33. PN-1542-L14453

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan peruntukan dan program utama dalam RMK13 yang menyokong agenda perubahan iklim dan pemeliharaan biodiversiti.

34. PN-1542-L14368

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang diambil Kerajaan untuk memperkukuhkan hubungan antara ulamak dan umarak serta cabaran yang dihadapi untuk mencapai tujuan tersebut.

35. PN-1542-L14077

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah inisiatif infrastruktur awam di Sarawak yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh suku tahun kedua tahun 2025 selain pemerksaan terhadap Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di Sarawak.

36. PN-1542-L14281

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan inap desa (*homestay*) di perkampungan Orang Asli dengan kerjasama Kementerian sempena Tahun Melawat Malaysia 2026; dan

- (b) apakah langkah yang diambil dalam mempromosikan aktiviti seni budaya Orang Asli pada peringkat antarabangsa.
37. PN-1542-L14113  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan pembangunan infrastruktur jalan raya bagi kawasan pedalaman di Sarawak seperti di Baram dan Belaga memandangkan tiada pembinaan jalan raya baharu dalam Rancangan Malaysia Ke-13 bagi kedua-dua daerah tersebut.
38. PN-1542-L14597  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kewajaran Kerajaan membatalkan pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) terhadap golongan mahakaya namun pada masa yang sama, cukai ke atas barang bernilai rendah yang diimport tetap diteruskan.
39. PN-1542-L14032  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi konkrit dan jangka masa pendek serta sederhana Kementerian bagi mempercepatkan pemerksaan literasi digital dalam kalangan pelajar luar bandar, terutamanya daripada golongan B40 agar mereka tidak ketinggalan terhadap akses kepada peluang ekonomi digital seperti yang digariskan dalam Kerangka Ekonomi Madani.
40. PN-1542-L14207  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah hasil kutipan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara bagi tempoh 3 tahun yang lepas dan berapakah peruntukan kewangan yang diperuntukkan bagi mengurus dan membaik pulih PPR di seluruh negara; dan
- (b) perancangan Kerajaan bagi meningkatkan keselesaan rumah PPR dan persekitarannya sekali gus dapat mengurangkan masalah sosial penduduk.
41. PN-1542-L14197  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif strategik Kementerian dalam memperkasakan pengusaha pelancongan tempatan Sabah terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

42. PN-1542-L14519

**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memastikan kestabilan harga barang makanan di pasaran.

43. PN-1542-L14022

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah khusus pihak Kementerian dalam memastikan belia di negeri Kelantan mendapat akses kepada latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan berdaya maju di dalam negeri sendiri serta sejauh manakah penglibatan belia Kelantan dalam program seperti K-Youth, MySTEP, Protege dan SL1M.

44. PN-1542-L14192

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana komitmen Kementerian dalam memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam menjayakan mekanisme Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES) dan Inisiatif Karbon Hutan.

45. PN-1542-L13945

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kes salah laku tatatertib yang telah disabitkan bersalah dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan bagaimanakah Kerajaan menjamin perlindungan kepada pemberi maklumat dalam sektor awam, khususnya melibatkan kes rasuah atau salah guna kuasa; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk memastikan setiap aduan salah laku dilayan secara telus dan bebas daripada campur tangan politik dan pentadbiran.

46. PN-1542-L14680

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah program penghayatan bahasa, sastera dan budaya yang dilaksanakan dalam PLKN 1.0 masih dilaksanakan dan apakah langkah penambahbaikan yang dilakukan.

47. PN-1542-L14172  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah sebarang langkah yang sedang diambil tentang ketidaksamaan pendapatan yang terus kekal tinggi terutama antara bandar dan luar bandar serta kumpulan menengah T20 dan B40.
48. PN-1542-L14548  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kementerian untuk membantu generasi belia memperoleh pengalaman kerja yang relevan selaras dengan pembangunan negara dan keperluan tenaga kerja terutamanya dalam menghadapi cabaran negara menua dan penurunan produktiviti.
49. PN-1542-L14237  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisma kawalan dan penguatkuasaan bagi mewajibkan pemasangan *Speed Limit Device* (SLD) mulai 1 Oktober 2025 sebagai langkah keselamatan bagi memastikan kecuaiian dan bahaya dalam budaya pemanduan bas dan kenderaan komersial di jalan raya dan lebuhraya dapat dielakkan.
50. PN-1542-L13980  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan akta yang lebih tegas berkaitan anjing-anjing liar yang berkeliaran di kawasan persekitaran seperti kes seorang bayi lelaki yang maut diserang sekumpulan anjing di Sungai Buloh.
51. PN-1542-L14335  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) jumlah keseluruhan dividen yang telah dibayar kepada peserta FELCRA di seluruh negara bagi tahun 2023 hingga 2025; dan
  - (b) jumlah peserta yang tidak menerima bayaran dividen dalam tempoh yang sama serta punca kegagalan pembayaran tersebut.

52. PN-1542-L14660

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian untuk memperkenalkan mekanisme bantuan kewangan kepada golongan B40 dan M40 yang sukar mendapatkan rawatan di hospital swasta dan bagaimana Kementerian memastikan akses perubatan yang adil kepada semua rakyat terutama di kawasan pedalaman.

53. PN-1542-L13970

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini terhadap Free Flow Zone (FFZ) di Wang Kelian, Perlis.

54. PN-1542-L14323

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan MyKasih dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dari kalangan komuniti India dan berapakah kadar penolakan permohonan atau rayuan yang tidak berjaya yang direkodkan dalam tahun semasa.

55. PN-1542-L14385

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan pembinaan Klinik Kesihatan (KK) Jenis 2 baharu di Sarikei, termasuk sejauh mana perancangan ini telah dilaksanakan dari segi kelulusan tapak, jumlah bajet serta jangkaan tarikh pelaksanaan projek tersebut.

56. PN-1542-L14644

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam mempromosikan warisan Orang Asli sebagai salah satu tarikan pelancongan budaya utama negara.

57. PN-1542-L14557

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa pra-siswazah di semua universiti awam yang telah dibuang atau keluar disebabkan gagal dalam peperiksaan keluar dan apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini.

58. PN-1542-L14355  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini terhadap siasatan kes penganjuran jualan lelong arak di fasiliti sebuah sekolah rendah di Pontian, Johor serta tindakan yang telah diambil hasil siasatan tersebut dan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan insiden seperti ini tidak berulang.
59. PN-1542-L14389  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan dasar pengisytiharan harta bagi semua anggota pentadbiran termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik sebagai bukti kesungguhan Kerajaan dalam membanteras rasuah.
60. PN-1542-L14568  
**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang berada di bawah garis kemiskinan mutlak selepas menerima bantuan ini dan sejauh manakah jaminan Kerajaan bahawa pelaksanaan pemberian STR dapat mengeluarkan mereka daripada kancah kemiskinan.
61. PN-1542-L14337  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang sedang dilaksanakan untuk mengesan dan merawat individu yang menghidap HIV di Malaysia, khususnya dalam kalangan belia, memandangkan peningkatan kes HIV dalam kalangan lelaki berusia 20 hingga 39 tahun amat membimbangkan dengan 90 peratus daripada kes baharu melibatkan golongan lelaki.
62. PN-1542-L14123  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pembinaan empangan Nenggiri di Gua Musang, Kelantan setakat Julai 2025 termasuk perkembangan fizikal projek, dan bilakah tarikh jangka siap yang disasarkan oleh Kerajaan, serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pembinaan ini siap mengikut jadual.
63. PN-1542-L14087  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-  
(a) jumlah penerima bantuan kepada orang tua yang berumur lebih 60 tahun ke atas mengikut kampung atau rumah panjang di Sarawak; dan

- (b) peratusan jumlah penerima ini berbanding jumlah sebenar orang tua yang berumur lebih 60 tahun.

64. PN-1542-L14690

**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pembinaan pakej-pakej baharu lebuhraya Pan Borneo dapat mengurangkan pusingan U dan mempertimbangkan pembinaan *ramps* bagi kenderaan yang ingin membuat pusingan U susulan beberapa kemalangan jiwa yang melibatkan pusingan U.

65. PN-1542-L13953

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status perbelanjaan peruntukan yang berjumlah RM855,500 yang telah diperuntukkan kepada Hospital Saratok bagi 2025 dan status pelaksanaan menaik taraf Klinik Nyabor dan Klinik Roban yang dikategorikan sebagai klinik daif yang telah diluluskan peruntukannya sebanyak RM1.8 juta pada tahun 2025.

66. PN-1542-L14577

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras penipuan dalam talian dan pembuli siber dengan kesan pelaksanaannya.

67. PN-1542-L14545

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) bagaimana pembukaan pasaran pemeriksaan kenderaan kepada syarikat selain PUSPAKOM benar-benar menghapuskan budaya 'kelulusan melalui ejen', sedangkan kelemahan integriti inilah yang membenarkan kenderaan berisiko kekal di jalan raya dan menjadi punca kemalangan maut; dan
- (b) sama ada Kerajaan mempunyai keberanian untuk mendedahkan secara terbuka jumlah kenderaan yang lulus pemeriksaan tetapi terlibat kemalangan dalam tempoh enam bulan dan siapa akan dipertanggungjawabkan jika data tersebut membuktikan sistem pemeriksaan masih gagal.

68. PN-1542-L14301

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pelan strategik menyeluruh oleh Kementerian bagi mengangkat semula ekonomi Sabah secara mampan, termasuk pembangunan infrastruktur, pelaburan strategik dan program khas pengurangan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah memandangkan Sabah mencatat pertumbuhan KDNK terendah 1.1% pada tahun 2024.

69. PN-1542-L13905

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai dan pecahan peratusan Gas Asli Cecair (LNG) untuk kegunaan tempatan dan eksport bagi Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

70. PN-1542-L14102

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula harga kereta buatan Malaysia yang dilihat terlalu mahal sehingga rakyat terpaksa mengambil pinjaman sewa beli yang bertahun-tahun sedangkan kereta tempatan tidak mempunyai duti import.

71. PN-1542-L14074

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi menggalakkan pelancongan domestik bertemakan eko-pelancongan yang berasaskan alam semula jadi (*nature-based tourism*) di Hutan Lipur Sungai Sedim.

72. PN-1542-L14133

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia berhubung deklaras bersama yang dikeluarkan oleh beberapa negara Arab dan tiga lagi negara yang menuntut agar Hamas meletakkan senjata dan tidak lagi mentadbir Gaza serta apakah langkah diplomatik yang diambil oleh Malaysia bagi memastikan penyelesaian yang adil dan menyeluruh terhadap isu Palestin.

73. PN-1542-L14630

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan dan pendekatan Kementerian dalam memastikan masyarakat khususnya dari kawasan pedalaman Sarawak menyertai dan berjaya sebagai usahawan muda bumiputera luar bandar.

74. PN-1542-L14535

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menangani kesan *cascading effect* Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang menyebabkan beban cukai berganda terhadap pelabur asing dan tempatan dalam rantai bekalan dari kilang ke gudang dan seterusnya ke pasaran, khususnya bagi pelabur berasaskan eksport bersih.

75. PN-1542-L14483

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas seperti jalan, internet, bekalan elektrik dan air bersih bagi membantu pengusaha baharu di kawasan pedalaman membangunkan destinasi pelancongan agar setanding dengan produk pelancongan bandar.

76. PN-1542-L14182

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menimbang saranan agar pelepasan cukai diberikan kepada institut memandu yang membeli kenderaan sendiri bagi melatih calon-calon mereka.

77. PN-1542-L14091

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pendirian Kementerian berhubung cadangan pembinaan jalan raya alternatif yang lebih selamat dan efektif menghubungkan Gerik-Jeli.

78. PN-1542-L13961

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan khusus kepada Sarawak bagi pembinaan rumah mampu milik kerana banyak peruntukan telah disalurkan untuk tujuan tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.24/2025 ) Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Perdana Menteri ]**
  
2. ( D.R.19/2025 ) Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Kerja Raya ]**
  
3. ( D.R.16/2025 ) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
  
4. ( D.R.23/2025 ) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
  
5. ( D.R.14/2025 ) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Kewangan ]**
  
6. ( D.R.26/2025 ) Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

7. ( D.R.28/2025 ) Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
8. ( D.R. 13/2025 ) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
9. ( D.R. 11/2025 ) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
10. ( D.R. 12/2025 ) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
11. ( D.R. 21/2025 ) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Perdana Menteri ]**
12. ( D.R. 6/2025 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
13. ( D.R. 7/2025 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

14. ( D.R. 17/2025 ) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Kesihatan ]**

15. ( D.R. 18/2025 ) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. ( D.R. 15/2025 ) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

17. ( D.R.20/2025 ) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Pendidikan ]**

18. ( D.R. 22/2025 ) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**

19. ( D.R. 27/2025 ) Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
D.N. 5/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	03 September 2025